

KUMPULAN CERITA RAKYAT NEGERI SARAWAK

**AVUN BATANG
HAGANG KAYO**

Penyusun

Abdul Rasid Haji Subet

Mohamad Shafiq Rohaizad Buyong

Dewan Bahasa dan Pustaka

Cawangan Sarawak

2013

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Sejarah Asal Usul dan Keturunan Bangsa Kayan</i>	x
Avun Batang Hagang kayo <i>Kanek Let</i>	1
Ayo Long Taman <i>Talik Lisut</i>	35
Batang Bua <i>Kanek Let</i>	42
Batong Kelieng <i>Sun Kasin</i>	79
Asal Usul Batu Lungu <i>Joo Aning</i>	85
Beliriek <i>Sabong Tahai</i>	90
Benikieng <i>Ajang Laeng</i>	97
Beruang Dan Kura-Kura <i>Joo Aning</i>	110

Bog Ikaeng	122
<i>Hangit Aging</i>	
Doh Cieng Dan Doh Lavo	133
<i>Sun Kasing</i>	
Hunei Madang	139
<i>Hangit Aging</i>	
Jalong Paraen Dan Semang	159
<i>Sabong Tahai</i>	
Lahei Bua	194
<i>Hangit Aging</i>	
Jok Umaeng Dan jok Ubieng	220
<i>Hangit Aging</i>	
Lakeg Ja-ui	230
<i>Hulo Anyie</i>	
Lakeg Semang	240
<i>Ajang Laeng</i>	
Lavo Nong	247
<i>Jumut Surat</i>	
Lirong Lingan	256
<i>Kanek Let</i>	
Selalang Lebang Ului Ajo	319
<i>Usun Ngo</i>	
Si Pelanduk Dan Si Siput	332
<i>Ajang Laeng</i>	
Ugie Dan Ibunya	337
<i>Joo Aning</i>	
Uma Awei	344
<i>Peng Lisut</i>	
Uma Pu Bertukar Jadi Bato	358
<i>Peng Lisut</i>	

PRAKATA

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, kumpulan cerita rakyat yang bertajuk “Avun Batang Hagang Kayo” berjaya diterbitkan. Buku ini mengandungi 24 buah cerita rakyat peribumi Sarawak suku kaum Kayan yang telah dikumpul dan mempunyai kualiti untuk diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS).

Sebagai mukadimah, projek pengumpulan dan perakaman bahan sastera rakyat Sarawak oleh Fungsi Penyelidikan Sastera, DBPCS diadakan dengan tujuan;

untuk memperoleh bahan sastra rakyat dalam bentuk bertulis, di samping untuk tujuan pendokumentasian. Ia juga diadakan bertujuan untuk menanam dan memupuk minat serta penghayatan orang ramai terhadap warisan sastra rakyat, yang terdapat dalam pelbagai masyarakat dan budaya di negeri ini.

Seperkara lagi, seperti yang kita maklum, cerita rakyat adalah milik bersama masyarakat yang tidak pernah diketahui siapakah pengarangnya atau empunya milik cerita tersebut. Justeru itu, hasil cerita yang dikumpulkan ini sudah semestinya mempunyai pelbagai versi walaupun judulnya sama. Perubahan cerita ini terjadi kerana cerita ini diwarisi dan dipertuturkan dari generasi ke generasi dan akan terus mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Jadi jika ada kekurangan daripada apa yang kami sampaikan ini, mohon pembaca sekalian menganggap usaha ini adalah langkah pertama untuk cerita rakyat sebegini didokumentasikan dan kami sentiasa terbuka untuk menambah baik versi yang sedia ada.

Selaku penyelenggara, kami berharap agar penerbitan buku ini dapat menjadi satu wadah kepada para sarjana dan pengkaji tempatan bertukar-tukar maklumat serta pandangan dalam menilai dan mengkaji kekayaan hasil kesusasteraan tradisional Sarawak. Ia juga diharapkan dapat menjadi wahana kepada pengkaji untuk menyediakan satu sejarah kesusasteraan Sarawak yang ilmiah melalui hasil penyelidikan lanjutan, tentang cerita rakyat peribumi Sarawak. Selain daripada itu, manuskrip ini diharap dapat mencipta ruang kepada karyawan Sarawak dalam membincangkan dengan lebih mendalam tentang kelangsungan kesusasteraan tradisional negeri Sarawak.

Dalam usaha merealisasikan penerbitan buku ini, kami telah banyak menerima bantuan daripada pelbagai

pihak. Sehubungan dengan ini, kami mengalungkan sejobak penghargaan dan rasa terima kasih kami kepada Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Dr. Amran bin Joned dan Timbalan Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Puan Asmiah binti Haji Ajamain yang telah memberi galakan, sumbang saran dan bantuan sehingga terbitnya buku ini. Tidak lupa juga kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Jiso anak Rutan dan Encik Abdul Kadir bin Yunus pegawai terdahulu yang mempelopori projek ini serta Encik Elbert Ding Ibo, yang membantu kami mentranskripsikan dan menterjemahkan manuskrip ini ke dalam bahasa Melayu. Ribuan penghargaan juga kami kalungkan kepada semua informan yang tidak jemu-jemu membantu dalam menyumbangkan bahan sastera rakyat yang tidak ternilai ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai DBP yang turut terlibat secara langsung dalam menguruskan penerbitan buku ini, khususnya Encik Jonathan Singki anak Lintan, Ustaz Riduwan bin Wahab, Puan Edith Sulie anak Bidas, Cik Stephanie Lenya anak Chaong, Puan Shuhailey binti Mahamad, Puan Hajijah binti Haji Mainol, Puan Marriya binti Yusup dan Encik Mohd. Amizi Ikman bin Amran, terima kasih atas sumbangan yang diberikan. Semoga usaha kita ini akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam memartabatkan kesusasteraan kebangsaan.

Salam hormat.

Abdul Rasid bin Haji Subet

Mohamad Shafiq Rohaizad bin Buyong

SEJARAH ASAL USUL DAN KETURUNAN KAUM KAYAN

M.U Lating Abun

Mengikut catatan sejarah, pada zaman dahulu kaum Kayan berasal dari sungai Batang Kayan berdekatan dengan Kalimantan Barat, Indonesia. Pada zaman tersebut, ramai penduduk Kayan yang menduduki kawasan sungai Batang Kayan sehingga menyebabkan kawasan tersebut tidak dapat menampung kepadatan penduduknya. Tambahan pula keadaan tanah yang tidak lagi subur dan tidak sesuai untuk bercucuk tanam serta memelihara ternakan. Oleh kerana keadaan dan faktor sedemikian maka para penduduk bersetuju untuk mengadakan satu mesyuarat.

Apabila tiba masa bermesyuarat, semua pembesar-pembesar Kayan dari setiap rumah panjang atau kampung datang berhimpun di ruai Rumah Lake' Dian yang merupakan salah seorang kaum Kayan yang disegani dan berpengaruh. Pada masa itu beliau adalah Raja kepada bangsa Kayan. Oleh sebab itu, sehingga hari ini keturunan Lake' Dianlah yang memimpin setiap rumah panjang Kayan yang berada di sepanjang sungai Batang Kayan dan memakai gelaran Maren Uma'. Lantaran itu terciptalah gelaran atau pangkat Temenggung dan Penghulu. Kesemua mereka ini adalah daripada keturunan Lake' Dian.

Hasil rundingan daripada ketua-ketua Kayan di hadapan Raja mereka iaitu Lake' Dian, maka mereka pun bersetuju untuk berpindah ke Sungai Batang Rajang iaitu di Hilir sungai Batang Kayan, seperti yang telah kita ketahui telah masuk ke bahagian Sarawak. Sebelum berpindah mereka membina sebuah jambatan yang

diperbuat daripada rotan untuk menyeberangi sungai yang dipanggil Sungai Nawang. Setelah siap jambatan, ramai penduduk Kayan berpindah dari Batang Kayan. Tidak ketinggalan juga ramai yang membawa binatang ternakan bersama-sama.

Apabila mereka hampir selesai menyeberang jambatan, tiba-tiba seekor anjing menyalak kerana melihat seekor rusa berhampiran di situ. Ini menyebabkan orang ramai berteriak kerana turut ternampak rusa tersebut lalu menyebut, “payo’, payo’ (rusa). Oleh kerana mereka yang sudah jauh berjalan ke depan tersalah dengar dan mereka sangka orang menyebut ‘ayo’, lalu mereka sangka ada musuh datang menyerang. Ini kerana ayo dalam bahasa Kayan adalah ‘musuh’ atau pemotong kepala. Oleh itu orang yang belum menyeberang jambatan telah memotong jambatan tersebut, kerana takut musuh datang menyerang, maka tertinggallah mereka yang tidak sempat menyeberang. Kerana peristiwa itulah terdapat sedikit sahaja penduduk berbangsa Kayan di Batang Kayan sehingga sekarang.

Apabila sampai di Sungai Aput, iaitu sungai Batang Balui yang terletak di bahagian hulu, didapati begitu ramai juga penduduk termasuk ketua atau pembesar yang kesemuanya adalah pengikut Lake’ Dian.

Pada suatu hari satu mesyuarat lagi diadakan untuk membuat rundingan dan persetujuan untuk berpecah mengikut ketua masing-masing. Setelah bersetuju maka satu rombongan pergi ke Sungai Mahakam di bahagian Kalimantan Timur dan satu rombongan lagi pergi ke Lusong Laku di Ulu Sungai Linau sementara selebihnya menetap di sungai Balui. Bagaimanapun satu pergaduhan besar telah berlaku di Lusong Laku iaitu di antara Ketua Lusong Laku, Ding lbau dengan Bato Bit (Ketua penduduk Batang Balui). Apabila mendengar pergaduhan tersebut

maka mereka yang tinggal di Batang Balui datang untuk melawan Ding Ibau. Dalam pergaduhan itu mereka telah meminta bantuan daripada orang-orang suku kaum Beketan kerana mereka pakar dalam menyumpit. Semasa pergaduhan tersebut Ketua Lusong Laku telah tewas kerana terkena sumpitan orang Beketan. Sumpitan itu telah mengena sebelah matanya. Oleh kerana bisa sumpitan itu beliau pun rebah lalu mati. Atas kematian beliau maka pengikut-pengikutnya merasa takut lalu melarikan ke Baram.

Rumah asal Ding Ibau ialah Rumah Bawang yang terdapat di Baram sekarang ini. Oleh itu kebanyakan nama-nama pemimpin di Rumah Bawang adalah Ding atau Ibau sempena memperingati nama ketua mereka. Rumah asal Bato Bit pula ialah Rumah Daro yang terdapat di Sungai Asap sekarang ini. Jadi asal nama tiap-tiap satu Rumah Panjang adalah diambil mengikut nama sungai, batu atau teluk sungai kerana ia lebih senang untuk mengenali sesebuah rumah panjang. Maka dari sinilah, sedikit-sebanyak cerita sejarah asal-usul Bangsa Kayan diperolehi pada masa dahulu dan tidak dapat dinafikan ia masih relevan sehingga hari ini.

AVUN BATANG HAGANG KAYO

Kanek Let

Pada zaman dahulu bertempat di tebing sungai Keliman, terdapat sebuah kampung. Kampung tersebut mempunyai seorang *maraen* yang bernama Avun Batang Hagang Kayo. Isterinya bernama Keteno. Ibu Avun Batang Hagang Kayo, Doh Lalaeng Alaem Keliman masih hidup dan mereka juga turut mempunyai seorang amah yang bernama Burieng Pid. Avun Batang Hagang dan Keteno belum lagi mempunyai anak kerana mereka baru sahaja hidup sebagai pasangan suami isteri. Mereka hidup bahagia dalam kampung tersebut, setiap hari Avun Batang Hagang Kayo sibuk membuat *kalong kelawid* di anjung rumah. Begitu juga

dengan isterinya Keteno, dia asyik sibuk membuat air tapai setiap hari. Pada satu hari, sedang Keteno sibuk di dalam bilik, dia menyuruh Burieng Pid pergi memberitahu Avun Batang Hagang Kayo supaya mereka pergi mengambil buah di *lepu'un* rumah lama mereka tidak jauh di sebelah hilir kampung. Burieng Pid segera pergi menuju ke tempat Avun Batang Hagang Kayo yang duduk di anjung rumah.

“Eh, apa tujuan engkau datang jumpa aku Burieng Pid?”. Kata Avun Batang.

“Aku datang ni hendak menyampaikan pesan Keteno kepada engkau. Dia menyuruh engkau membawa kita pergi mengambil buah di *lepu'un* kampung lama kita di hilir tu. Buah-buahan tu mungkin dah masak.”

“Oh, betul juga tu Burieng Pid. Aku asyik sibuk saja setiap hari sehingga tidak ingat nak pergi menjenguk buah-buahan tu. Aku pun fikir buah-buahan tu dah masak. Kalau begitu, engkau orang berkemastlah kerana kita akan bertolak pergi sekarang juga.”

Setelah itu Burieng Pid pun masuk ke bilik semula manakala Avun Batang segera bangkit dari tempatnya duduk di situ dan terus memberitahu *panyin* kampung tersebut. *Panyin-panyin* yang telah dimaklumkan itu juga segera berkemas dan gembira dengan rancangan untuk mengambil buah-buahan itu. Pelbagai peralatan dibawa untuk menyimpan buah-buahan yang diambil kelak seperti *engaen*, *ajat* dan lain-lain lagi. Pemuda-pemuda dan rakan sebaya Avun Batang Hagang Kayo seperti Tegelung dan Telaen Bu'ang pun tidak sabar pergi sambil menyediakan perahu di pangkalan kampung itu. Perahu yang akan dibawa itu ialah sebuah perahu besar kepunyaan Avun Batang Hagang Kayo.

Selepas itu, orang ramai pun turun menuju pangkalan dan mula masuk memenuhi perahu. Setelah semua berada dalam perahu, mereka pun bertolak menuju ke hilir sungai Keliman. Avun Batang Hagang Kayo dan isterinya Keteno

duduk di tengah-tengah perahu. Mereka terus mendayung menuju ke hilir sehingga, nampaklah *lepu'un* kampung itu dari jauh. Mereka menyusur ke tepi sungai dan kemudian singgah di pangkalan *lepu'un* kampung lama itu. Jauh dari pangkalan, mereka dapat melihat buah-buahan di *lepu'un* di situ telah masak ranum. Melihat buah-buahan yang masak itu, mereka tidak sabar untuk naik segera ke *lepu'un* tersebut. Bermacam-macam jenis buah-buahan terdapat di *lepu'un* itu seperti rambutan, pulas, durian, dabai, nangka, langsung, rambai dan pelbagai lagi. Setelah perahu diikat, Ukaeng yang tidak sabar itu terus berlari naik menuju *lepu'un* tersebut meninggalkan orang ramai yang lain sambil berteriak gembira sebaik berada di *lepu'un* tersebut. Semua orang tiba dan berada di *lepu'un* tersebut, kecuali Avun Batang Hagang Kayo dan isterinya Keteno masih berada di perahu. Mereka duduk menunggu dalam perahu itu sementara orang ramai gembira memungut mengambil buah-buahan di *lepu'un* tersebut. Bukan main lagi bunyi bising suara orang ramai yang gembira memetik buah-buahan itu sehingga boleh didengar oleh mereka dari perahu. Sedang mereka bergembira, Tegelung pun menyuruh Ukaeng pergi menghantar buah-buahan kepada Avun Batang Hagang dan isterinya yang duduk di perahu itu. Ukaeng segera bertindak menghantar buah-buahan tersebut dan sebaik berada di perahu dia berteriak memanggil nama Avun Batang Hagang memberitahu yang dia menghantar buah-buahan untuk mereka. Banyak juga buah-buahan yang dipunggah ke dalam perahu. Setelah itu, Ukaeng segera naik menuju ke *lepu'un* semula. Avun Batang Hagang segera mengambil setangkai buah dalam perahu tersebut dan menghulurnya kepada isterinya. Mereka pun makan buah itu di situ. Tidak banyak yang dimakan oleh Keteno itu. Selang beberapa lama duduk dalam perahu tersebut, Keteno pun berkata kepada suaminya,

“Engkau naiklah pergi ambil buah bersama mereka di atas tu. Aku nak engkau pilih yang cukup masak dan manis dimakan.” Katanya.

“Baiklah, tapi aku nak ingatkan engkau sebelum aku naik. Apabila engkau makan buah dalam perahu tu, engkau jangan sekali-kali membuang kulitnya ke sungai.”

“Yalah tu. Buat apa pula aku membuang kulit buah tu ke sungai.”

Setelah itu, Avun Batang Hagang pun segera naik menuju tempat orang ramai di *lepu'un* tersebut meninggalkan Keteno seorang diri di perahu. Avun Batang Hagang yang tiba di *lepu'un* tersebut melihat buah yang telah dipetik bertimbun-timbun di atas tanah. Melihat ramai orang yang memanjat, dia pun ingin turut serta memanjat bersama mereka. Avun Batang Hagang yang mula memanjat itu mula berseronok dan tidak ingat isterinya yang berada seorang diri di perahu itu lagi. Sekali lagi, Ukaeng disuruh menghantar buah-buahan ke perahu oleh Avun Batang Hagang. Ukaeng pun segera menghantar buah-buahan itu berulang-alik dari *lepu'un* menuju pangkalan.

Sedang mereka berseronok mengambil buah di *lepu'un* tersebut, tidak jauh di sebelah hilir *lepu'un* di sungai Keliman itu, terdapat seorang perempuan yang bernama Urei Uyuk sedang turun dari rumahnya kerana hendak mandi. Ketika turun mandi, dia membawa tukun untuk mengangkut dan membawa air. Urei Uyuk tinggal seorang diri di rumahnya di situ. Sedang dia berjalan menuju pangkalan, pandangannya tertumpu melihat ke arah sungai Keliman yang mengalir tenang itu, dia ternampak kulit-kulit buah sedang hanyut dari hulu.

“Ah! Dari mana pula datangnya kulit buah yang hanyut tu? Apakah ia kulit buah-buahan yang dimakan oleh monyet? Kalau bukan monyet, siapa pula yang mengambil buah-buahan tu? Ah! Alangkah untungnya orang yang

mengambil buah-buah tu.” Katanya sambil terus berjalan menuju pangkalan. Urei Uyuk tidak puas hati melihat kulit buah yang hanyut itu dan hati kecilnya mendesak untuk segera menyiasat.

“Ah! Baik aku pergi berjalan menyusur tebing sungai ni ke hulu untuk menyiasat. Siapa yang mengambil buah-buah tu?” Katanya sambil terus berjalan menyusur tebing sungai Keliman. Sebaik dia tiba berhampiran pangkalan *lepu'un* itu, ternampak olehnya sebuah perahu besar sedang berlabuh di situ. Perahu itu mempunyai atap di bahagian tengahnya.

“Hah! Inilah kerja Avun Batang Hagang Kayo dan isterinya. Mereka pergi mengambil buah tidak memberitahu aku pun. Kedekut juga mereka tu, tak nak memberitahu aku.” Katanya sambil berlari menuju ke perahu tersebut. Sebaik dia menghampiri perahu tersebut, dia membongkok melihat ke dalam perahu itu, ternampaklah olehnya Keteno sedang duduk seorang diri. Melihat Keteno di situ, dia pun berteriak memanggil namanya. Keteno yang mendengar orang memanggil namanya itu menoleh dan ternampaklah Urei Uyuk sedang berdiri berhampiran perahu di situ.

“*Da!* Engkau berdua suami isteri datang mengambil buah tak beritahu aku pun. Jahat sungguh engkau berdua. Engkau pun tahu, selama ni, aku teringin sangat nak memakan buah.” Katanya. Keteno yang mendengar Urei Uyuk itu memanggilnya da kelihatan terpinga-pinga.

“Sejak bila pula aku sama nama dengannya. Namanya Urei Uyuk, aku pula Keteno.” Kata hati kecilnya dan mula menjawab kata Urei Uyuk tadi,

“Alah! Aku selama ni tak pernah pun kenal dengan engkau. Aku minta maaf pasal tu. Aku memang betul-betul tak kenal engkau. Kalaulah aku tahu, sudah pasti aku memberitahu engkau.” Kata Keteno sambil menyambung,

“Nah! Buah-buah dalam perahu tu banyak. Engkau